



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN



PERATURAN AM

KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA) 2022 (BADMINTON, BOLING, BOLA JARING, FUTSAL, SEPAK TAKRAW DAN KAROM)

1.0 PENGANJURAN

Kejohanan Sukan MALA 2022 bagi acara-acara ini akan dikelola sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Johor melalui pelantikan oleh Jawatankuasa Biro Sukan MALA. Pihak Jawatankuasa Pengelola akan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana berikut:

- 1.1 Jawatankuasa Biro Sukan MALA dan Urusetia yang dilantik akan menguruskan acara Boling dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan segala dasar yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Induk dilaksanakan dengan baik dan sempurna atas kerjasama Jawatankuasa Induk beserta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan.
- 1.2 Majlis Bandaraya Johor Bahru selaku tuan rumah bagi acara Badminton akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan segala dasar yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Induk dilaksanakan dengan baik dan sempurna atas kerjasama Jawatankuasa Induk beserta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan.
- 1.3 Majlis Bandaraya Pasir Gudang selaku tuan rumah bagi acara Bola Jaring dan Sepak Takraw akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan segala dasar yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Induk dilaksanakan dengan baik dan sempurna atas kerjasama Jawatankuasa Induk beserta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan.
- 1.4 Manakala, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri selaku tuan rumah bagi acara Futsal dan Karom akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan segala dasar yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Induk dilaksanakan dengan baik dan sempurna atas kerjasama Jawatankuasa Induk beserta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan.

- 1.5 Semua kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Am Kejohanan Sukan MALA 2022.
- 1.6 Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Johor akan bertanggungjawab di dalam organisasi teknikal dan seluruh kawalan pengurusan pertandingan.

2.0 TARIKH KEJOHANAN

Tarikh rasmi Kejohanan Sukan MALA 2022 adalah pada **27-30 Oktober 2022**. Penyusunan jadual setiap acara yang dipertandingkan akan dibuat dan akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Pengurus.

3.0 JENIS SUKAN DIPERTANDINGKAN DAN MATA KEMENANGAN

3.1 Jenis sukan :

BIL	ACARA
1.	Badminton
2.	Boling
3.	Bola Jaring
4.	Sepak Takraw
5.	Futsal
6.	Karom

3.2 Mata Kemenangan :

KEDUDUKAN	MATA
Johan	10
Naib Johan	8
Ketiga	6
Keempat	4
Kelima - Kelapan	2

4.0 PENDAFTARAN SERTA KELAYAKAN PESERTA

- 4.1 Terbuka kepada semua pegawai, kakitangan dan Ahli Majlis kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing sahaja.
- 4.2 Penggunaan pemain import/pinjaman adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Sekiranya pihak penganjur mendapati dan terbukti pemain-pemain yang didaftarkan bukan kakitangan PBT masing-masing (merujuk kepada Para 4.3), maka pihak penganjur boleh dan berhak membatalkan keputusan dan penyertaan acara sukan yang terlibat.

Sekiranya didapati pemain dan pegawai mengemukakan dokumen dan/atau pengenalan palsu, mana-mana pihak yang menandatangani dokumen dan/atau pengenalan palsu tersebut boleh didakwa atas kesalahan memalsukan dokumen kerajaan.

- 4.3 Setiap pasukan **diwajibkan** mengemukakan kad pengenalan pegawai dan pemain masing-masing kepada pihak Urusetia termasuk bergambar pasukan sebelum pertandingan dimulakan.
- 4.4 Takrifan terperinci bagi kelayakan peserta seperti berikut:

BIL	KATEGORI	KLASIFIKASI
1.	Taraf Perjawatan	i) Tetap dan Kontrak sahaja (telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan) ii) Tarikh akhir pengambilan perjawatan untuk layak menjadi peserta adalah lantikan sebelum <u>1 April 2022.</u>
2.	Tahap Umur	18 tahun dan ke atas sahaja pada 1 Januari 2022.
3.	Taraf Ahli Majlis	Sedang berkhidmat dengan PBT pada tahun kejohanan sahaja (2022).
4.	Veteran	i) Lelaki – 45 tahun dan ke atas pada tahun 2022 ii) Wanita – 40 tahun dan ke atas pada tahun 2022
5.	VIP	<u>Kategori PBT:</u> i. Bertaraf Bandaraya/Perbandaran/Perbadanan - Pegawai Gred 41 dan ke atas serta Ahli Majlis sahaja. ii. Bertaraf Daerah - Pegawai Gred 29 dan ke atas serta Ahli Majlis sahaja. iii. <u>Beregu VIP :</u> Pemain boleh terdiri daripada kedua-duanya VIP atau HENDAKLAH sekurang-kurangnya seorang VIP dan bersama seorang yang bukan VIP (sama ada kedua-dua pemain Lelaki atau kedua-dua pemain Wanita atau campuran pemain Lelaki dan Wanita).

- 4.5 PBT-PBT yang terlibat dalam Kejohanan Sukan MALA 2022 ini adalah semua PBT seluruh Malaysia tertakluk kepada jumlah pasukan sesuatu acara, peraturan khas acara, kadar yuran kejohanan dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Biro Sukan MALA.
- 4.6 Semua pegawai / kakitangan / Ahli Majlis PBT seluruh Malaysia adalah layak menyertai kejohanan ini (mewakili PBT masing-masing).
- 4.7 Setiap pemain hendaklah terdiri daripada anggota Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri yang layak didaftarkan sebagai pemain termasuk anggota yang dilantik secara kontrak dan **telah berkhidmat melebihi 6 bulan.**

- 4.8 Setiap pemain hendaklah terdiri daripada pegawai/kakitangan/ Ahli Majlis PBT masing-masing yang layak didaftarkan sebagai pemain merujuk Para 4.4.
- 4.9 Pegawai / kakitangan di bawah lantikan Persekutuan tetapi telah ditugaskan / ditempatkan di PBT yang bertanding **LAYAK** untuk menyertai kejohanan ini tertakluk kepada takrifan di Para 4.4.
- 4.10 Pendaftaran peserta perlu disertakan dengan:
- **Salinan kad pengenalan;**
 - **Salinan slip gaji tiga (3) bulan bagi bulan April, Ogos dan September 2022;**
 - **Surat pengesahan majikan; dan**
 - **Salinan 3 bulan penyata KWSP bagi bulan April, Ogos dan September 2022 untuk anggota yang masih belum disahkan jawatan dan / atau bertaraf kontrak sahaja (hanya penyata KWSP yang menunjukkan caruman oleh / kepada PBT masing-masing sahaja diterima sebagai pembuktian perkhidmatan kepada PBT masing-masing).**

Nota : Bagi peserta yang tidak mengemukakan dokumen lengkap tidak akan dianggap sebagai peserta yang berdaftar dan pihak penganjur berhak dan boleh membuat keputusan untuk membatalkan penyertaan peserta terlibat sahaja dan / atau penyertaan pasukan secara keseluruhan mengikut acara yang dipertandingkan.

- 4.11 Pegawai pasukan (Pengurus dan Jurulatih) hanya boleh dilantik dari kalangan PBT masing-masing sahaja berdasarkan kepakaran dalam bidang sukan tersebut dan dibenarkan bermain sekiranya nama mereka didaftarkan dalam senarai pemain.
- 4.12 Mana-mana PEGAWAI DAN KAKITANGAN PBT yang sedang atau pernah mewakili pasukan Kebangsaan termasuk Remaja Kebangsaan DIBENARKAN bertanding. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja dibenarkan untuk bermain pada satu-satu perlawanan.
- 4.13 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan.
- 4.14 Jumlah pegawai dan pemain yang perlu didaftarkan adalah berdasarkan jenis sukan yang akan disebut dalam PERATURAN PERTANDINGAN.
- 4.15 Borang dan dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah disahkan oleh Datuk Bandar/Yang DiPertua/Setiausaha Majlis/Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan/Sumber Manusia, Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing sahaja.

- 4.16 Semua borang penyertaan yang lengkap dengan nama pemain dan pegawai akan disahkan di dalam mesyuarat pengurus-pengurus pasukan yang akan diadakan sebelum pertandingan dijalankan.
- 4.17 Hanya pemain berdaftar yang telah disahkan namanya semasa Mesyuarat Pengurus sahaja yang dibenarkan untuk bermain di sepanjang kejohanan berlangsung.
- 4.18 Sebarang pertukaran pemain selepas tarikh akhir penyerahan pendaftaran nama pemain adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali atas sebab-sebab yang difikirkan munasabah oleh pihak penganjur.
- 4.19 Tarikh akhir penyerahan pendaftaran nama pemain bagi kesemua kontinjen adalah selawat-lewatnya **sebelum atau pada 13 Oktober 2022 (Khamis), jam 5.00 petang.**
- 4.20 **Mesyuarat Pengurus Pasukan dan Undian Kumpulan akan diadakan pada 25 September 2022 (Selasa) secara *live* Facebook seperti jadual berikut :**

SESI	MASA	SUKAN
Sesi 1	9.00 pagi	Badminton Bola Jaring Sepak Takraw
Sesi 2	2.30 petang	Futsal Karom

5.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1 Maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan pertandingan, format dan teknikal pertandingan berdasarkan acara adalah dirujuk dalam PERATURAN PERTANDINGAN sukan masing-masing.
- 5.2 Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal Kejohanan Sukan MALA 2022 dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri/Daerah/mana-mana persatuan yang dilantik akan menetapkan format-format pertandingan bagi sukan yang dipertandingkan.
- 5.3 Semua jenis sukan hendaklah selesai di pertandingan mengikut tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh penganjur kejohanan.
- 5.4 Semua jenis sukan akan dijalankan secara liga satu (1) pusingan di peringkat awal. Pusingan kalah singkir akan dijalankan mengikut kedudukan terakhir pasukan dalam liga.
- 5.5 Penentuan untuk tempat ketiga dan keempat akan dilangsungkan.
- 5.6 Jawatankuasa Induk berhak untuk mengubahsuai format pertandingan dalam tujuan melicinkan lagi perjalanan serta mencakupi tempoh yang telah ditetapkan.

- 5.7 Pemberian mata akan diberikan bagi perlawanan peringkat kumpulan dan tertakluk kepada pemberian mata mengikut sukan masing-masing.
- 5.8 Sekiranya dua (2) atau lebih pasukan terikat dengan mata yang sama, maka kiraan penentuan mata dibuat sebagaimana ketetapan di dalam Peraturan Teknikal Pertandingan.

6.0 JADUAL PERTANDINGAN

- 6.1 Jadual perlawanan bagi semua jenis sukan termasuk tarikh, masa dan tempat pertandingan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 6.2 Sebarang perubahan jadual akan dimaklumkan kepada setiap pasukan setelah disahkan oleh Jawatankuasa Penganjur.

7.0 PENANGGUHAN

- 7.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan atau dijadualkan sama sekali tidak boleh ditangguh atau diubah oleh mana-mana pasukan yang mengambil bahagian.
- 7.2 Jawatankuasa Penganjur melalui Jawatankuasa Biro Sukan MALA diberikan kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
- 7.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan, maka Jawatankuasa Teknikal Pertandingan hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguh itu serta-merta.

8.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA / DIHENTIKAN

- 8.1 Sekiranya pengadil berpendapat perlawanan tidak boleh diteruskan dan perlu ditangguhkan atas sebab-sebab di luar jangkaan atau bencana atau atas faktor keselamatan atau sebab-sebab teknikal, maka Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan membuat keputusan dan keputusan tersebut adalah muktamad.
- 8.2 Sekiranya pengadil memberhentikan perlawanan atas sikap pegawai dan pemain sesebuah pasukan yang gagal mengawal emosi, maka kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan dan ia tidak dikategorikan sebagai perlawanan tertangguh.

9.0 MENARIK DIRI

Menarik diri dalam mana-mana perlawanan adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali. Pasukan-pasukan akan dianggap menarik diri dari kejohanan dalam keadaan-keadaan berikut:

- 9.1 Jika pasukan tidak melaporkan diri untuk satu perlawanan atau gagal menurunkan bilangan minimum pemain pada permulaan permainan yang telah dijadualkan kecuali atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan;

- 9.2 Jika pasukan enggan meneruskan permainan atau meninggalkan padang / gelanggang sebelum tamat masa perlawanan;
- 9.3 Jika sesebuah pasukan memberikan kemenangan percuma; atau
- 9.4 Jika pasukan gagal menamatkan jadual perlawanan atau pertandingan tanpa mendapat persetujuan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 9.5 **Mana-mana pasukan yang menarik diri sebelum / selepas perlawanan bermula, maka pasukan berkenaan dianggap menarik diri dari keseluruhan perlawanan dan Kejohanan Sukan MALA (termasuk acara-acara lain yang dijadualkan sepanjang tahun 2022) dan semua keputusan perlawanan terdahulu dibatalkan. Perkara ini akan dirujuk ke peringkat pengurusan PBT dan Jawatankuasa Eksekutif MALA.**
- 9.6 Pasukan yang ingin menarik diri dalam pertandingan akan dikenakan denda sebanyak **RM3,000.00** (Ringgit Malaysia: **Tiga Ribu Sahaja**).

10.0 KEMUDAHAN

- 10.1 Jawatankuasa Penganjur bertanggungjawab menyediakan kemudahan asas yang berkaitan dengan penganjuran.
- 10.2 Keperluan pasukan termasuk makan minum, penginapan dan pengangkutan adalah di bawah tanggungjawab PBT masing-masing.
- 10.3 Pasukan adalah bertanggungjawab menyediakan pakaian sukan yang berseragam dan bersesuaian dengan peraturan permainan.

11.0 PEGAWAI TEKNIKAL, PEGAWAI PERTANDINGAN DAN PENGADIL

- 11.1 PBT dan MALA akan bekerjasama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan / Negeri / Daerah / mana-mana persatuan yang dilantik dan bertanggungjawab melantik pegawai-pegawai teknikal, pegawai pertandingan serta pengadil atau hakim berdasarkan cadangan dari pihak Persatuan Sukan Kebangsaan / Negeri / Daerah / mana-mana persatuan yang dilantik.
- 11.2 Pihak Penganjur akan memastikan pengadil atau hakim yang bertugas adalah terdiri dari individu / kumpulan yang bertauliah, profesional dan / atau berpengalaman dalam sesuatu acara sukan.
- 11.3 PBT dan MALA melalui Jawatankuasa Pertandingan akan melantik dengan rasminya seorang Pengerusi Teknikal dan Penasihat Pertandingan daripada kalangan ahli persatuan sukan yang terlibat.
- 11.4 Pengerusi Teknikal dan Penasihat Pertandingan adalah bertanggungjawab untuk memastikan segala persiapan Teknikal dan Pertandingan Sukan dilaksanakan mengikut Peraturan Am dan Peraturan Teknikal sukan berkaitan serta panduan-panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur.

- 11.5 Tanggungjawab Pengerusi Teknikal dan Penasihat Pertandingan oleh penganjur:
- a) Melantik pegawai-pegawai teknikal dan hakim/pengadil kejoanan.
 - b) Melawat dan mengesahkan *venue-venue* pertandingan sesuai untuk digunakan bagi tujuan pertandingan.
 - c) Menyedia, menyemak dan mengesahkan jadual-jadual perlawanan.
 - d) Menentukan semua perlawanan dijalankan mengikut peraturan dan jadual pertandingan yang telah ditetapkan.
 - e) Menentukan jadual tugas, pegawai-pegawai pertandingan seperti hakim, pengadil, penjaga garisan, yang dilantik untuk mengadili perlawanan yang telah diaturkan sebagaimana jadual pertandingan.

12.0 PEGAWAI, PEMAIN SIMPANAN DAN PENYOKONG

- 12.1 Hanya pegawai dan pemain simpanan sesebuah pasukan yang bertanding pada sesuatu masa sahaja dibenarkan untuk berada di kawasan yang dikhaskan.
- 12.2 Pegawai pasukan yang berada di bangku simpanan hendaklah sentiasa mengawal tingkah laku mereka, bersopan dan bertanggungjawab.
- 12.3 Penyokong di setiap pasukan hendaklah berada di tempat atau kawasan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Penganjur melalui Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 12.4 Pegawai pasukan dan pemain yang duduk di bangku simpanan serta penyokong sama sekali dilarang melakukan perkara-perkara berikut:
- a) Memasuki gelanggang permainan tanpa kebenaran pengadil.
 - b) Melakukan provokasi sama ada dengan perkataan mahu pun perbuatan, mengeluarkan kata-kata yang menyinggung perasaan atau isyarat lucah kepada pegawai pasukan, pemain atau pegawai simpanan.
 - c) Membantah keputusan pengadil sama ada dengan perkataan, perbuatan atau niat yang boleh menimbulkan keresahan penonton.
 - d) Merokok / penggunaan *vape* di kawasan bangku simpanan atau kawasan teknikal.
 - e) Pemain-pemain / penyokong tidak dibenarkan makan, merokok dan minum minuman keras semasa pertandingan diadakan di dalam dewan atau zon pertandingan.
 - f) Merosakkan peralatan bangku simpanan atau melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan bangku simpanan dan kawasan teknikal serta sebarang peralatan pengelolaan.
 - g) Membaling atau melontar sebarang objek ke dalam gelanggang.

- 12.5 Sebarang kelakuan buruk yang diarahkan kepada pegawai / pengadil di luar gelanggang adalah dianggap dilakukan di dalam gelanggang.

13.0 BANTAHAN

- 13.1 Sebarang bantahan dan rayuan adalah secara bertulis dan hanya boleh dibuat oleh Pengurus atau Ketua Pasukan melalui borang rasmi yang disediakan pihak Jawatankuasa Pertandingan dalam tempoh tiga puluh (30) minit selepas tamat perlawanan pasukan tersebut kepada Urusetia Pertandingan.
- 13.2 Bantahan dan rayuan hendaklah dibuat dengan disertakan wang tunai **RM300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja)** sebagai bayaran proses bantahan.
- 13.3 Bantahan terhadap keputusan mengenai perkara-perkara berkaitan teknikal yang diputuskan oleh pengadil atau hakim adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Segala keputusan Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan adalah **muktamad**. Wang bantahan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan **ditolak** dan akan menjadi hak milik penganjur.

14.0 LEMBAGA RAYUAN DAN BANTAHAN

- 14.1 Sebarang bantahan yang dikemukakan akan dibawa ke pertimbangan Jawatankuasa Lembaga Rayuan Bantahan.
- 14.2 Pengurus Pasukan atau Pegawai Pasukan boleh mengemukakan soalan atau bantahan secara bertulis dengan disertakan bukti kepada Lembaga Rayuan ini. Selain dari itu, Lembaga Rayuan boleh mencampuri mana-mana perkara yang bukan teknikal yang di luar bidang kuasa Lembaga Rayuan yang ditubuhkan oleh tiap-tiap pasukan.
- 14.3 Lembaga Rayuan berhak mendapatkan maklumat-maklumat dan mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang akan dibincangkan untuk membuat keputusan.
- 14.4 Lembaga Rayuan dan Bantahan ini akan dilantik oleh pihak penganjur dan sebarang keputusan yang dibuat adalah **muktamad**.
- 14.5 Keanggotaan Jawatankuasa Bantahan terdiri daripada lima (5) orang seperti berikut :

i)	Pengerusi/wakil Biro Sukan MALA	1 orang
ii)	Wakil Penganjur/Tuan Rumah	1 orang
iii)	Wakil Jawatankuasa Teknikal	1 orang
iv)	Wakil Pengurus Pasukan Berkecuali	2 orang

- 14.6 Jawatankuasa rayuan / bantahan berhak memanggil pemain / pengadil / pegawai bertugas sekiranya perlu bagi membantu siasatan tersebut.

15.0 LEMBAGA DISIPLIN DAN TATATERTIB

- 15.1 Satu Lembaga Disiplin dan Tatatertib akan diwujudkan selepas kejohanan ini berlangsung mengikut keperluan. Lembaga ini bertanggungjawab untuk menentukan dan mempertimbangkan sebarang kejadian yang melibatkan kesalahan dan pelanggaran syarat / peraturan kejohanan.
- 15.2 Lembaga Disiplin dan Tatatertib ini akan dilantik oleh Jawatankuasa Biro Sukan dan AJK Eksekutif MALA dan sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad.

16.0 YURAN PENYERTAAN

16.1 Yuran penyertaan adalah seperti berikut :

- i) Ahli MALA - RM300.00
- ii) Bukan Ahli MALA - RM500.00

16.2 Yuran penyertaan untuk acara Boling adalah seperti berikut :

- i) Ahli MALA - RM500.00
- ii) Bukan Ahli MALA - RM700.00

17.0 GANTI RUGI

- 17.1 PBT, Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Kerja, pegawai dan petugas tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan sama ada ia melibatkan jiwa mahupun fizikal yang mungkin berlaku kepada mana-mana individu yang terlibat sepanjang kejohanan berlangsung.
- 17.2 Semua pasukan yang mengambil bahagian adalah dinasihatkan untuk mengambil perlindungan insurans masing-masing.

18.0 HAL-HAL LAIN

- 18.1 Jawatankuasa Penganjur berhak mengambil atau membuat keputusan kepada sebarang perkara yang tidak berbangkit dan yang tidak tercatat dalam Peraturan Am.
- 18.2 Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah Peraturan Am atau soal perbezaan tafsiran akan diputuskan oleh Biro Sukan MALA dan ianya adalah muktamad.